



02 JUL, 2024

Warga asing cuba bawa wang tunai RM600,000 ke luar negara

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Warga asing cuba bawa wang tunai RM600,000 ke luar negara

SEPANG - Wang tunai berjumlah lebih RM600,000 yang dibawa lelaki warga asing di balai pelepasan Terminal 1 Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, dirampas, pada 13 Jun lalu.

Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Tengah, Norlela Ismail berkata, penumpang yang hendak menaiki pesawat ke sebuah negara di Timur Tengah itu ditahan Pasukan Operasi Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Tengah dengan

kerjasama pasukan Aviation Security (AVSEC)

Menurutnya, pengembara berusia lingkungan 60-an itu ditahan susulan pemeriksaan dalam bagasi dibawanya semasa proses pemeriksaan kastam.

“Pemeriksaan rapi menemui mata wang ringgit berjumlah RM572,563 dan 24,500 dollar Singapura (kira-kira RM85,158).

“Siasatan masih dijalankan untuk kenal pasti sumber wang tunai milik lelaki dipercayai merupakan pengarah sebuah

syarikat di luar negara itu,” katanya dalam sidang akhbar di Pejabat Perkastaman Kargo KLIA di sini pada Isnin.

Beliau berkata, siasatan dijalankan mengikut Seksyen 28B Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (AMLAFTPUAA) 2001 kerana lelaki itu tidak membuat pengikraran ke atas amaun tunai yang hendak dibawa keluar dari Malaysia dan melanggar Peraturan 55(1)(b) Peraturan Kastam 2019.



02 JUL, 2024

Warga asing cuba bawa wang tunai RM600,000 ke luar negara

Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

SEPANG - Wang tunai berjumlah lebih RM600,000 yang dibawa lelaki warga asing di balai pelepasan Terminal 1 Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, dirampas, pada 13 Jun lalu.